

UNTUK SIARAN SEGERA



LBS DAN MGB TERAJUI BIDANG TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI MELALUI PERKONGSIAN STRATEGIK BERSAMA MGTC

SELANGOR, 6 Oktober 2023 – LBS Bina Group Berhad (“LBS”), pemaju perumahan terkemuka dan subsidiarinya, MGB Berhad (“MGB”) (secara kolektif dikenali sebagai “Kumpulan”), penyedia solusi perkhidmatan dan pembangunan harta tanah, hari ini mengumumkan kerjasama strategik dengan Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), agensi di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang diberi mandat untuk memacu inisiatif Pertumbuhan Hijau, Mitigasi Perubahan Iklim dan Gaya Hidup Hijau negara.

Kolaborasi ini mewujudkan satu konsortium yang terdiri daripada LBS, MGB, Midwest Green Sdn Bhd (“MWG”) dan MGTC, dengan matlamat utama untuk merevolusikan landskap tenaga solar di samping mengintegrasikan teknologi hijau canggih ke dalam evolusi ladang solar yang merangkumi teknologi Pengawalan Penyimpanan Karbon (CCS), pertanian dan penuaian air. Konsortium ini mewakili kepentingan untuk meningkatkan penggunaan bidang tenaga boleh diperbaharui sekali gus mempromosikan pembangunan program solar berskala besar yang berinovatif.

Majlis pertukaran dokumen Surat Minat (“LOI”) itu telah berlangsung di Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau serta Produk Eko Antarabangsa Malaysia (IGEM) 2023, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Pengerusi Eksekutif LBS, Tan Sri Ir. Sri Lim Hock San mewakili LBS, manakala MGB diwakili oleh Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Wira Joey Lim Hock Guan. MGTC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Ts Shamsul Bahar Mohd Nor dan Pengarah-Pengarah MWG, Dato’ Alvin Lam Lip Shyan dan Datuk Edward Chew Chun Hoe. Majlis pertukaran dokumen LOI tersebut turut disaksikan oleh YB

Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim diiringi oleh Pengarah Urusan Kumpulan Solarvest Holdings Berhad, Encik Lim Chin Siu serta Ketua Pengarah Utiliti Komersialnya, Encik Windsor Khor Thiam Seng.

Pengerusi Eksekutif LBS, Tan Sri Ir. Lim Hock San, merangkap Naib Pengerusi Eksekutif MGB mengulas, "Kami amat teruja dengan kerjasama bersama MGTC di dalam era baru kelestarian tenaga boleh diperbaharui ini. Menerusi kolaborasi ini, Kumpulan kami dapat memperkuatkan kepakaran di samping berpeluang untuk mempelopori sektor ladang tenaga solar. Gandingan ini bakal merealisasikan masa depan berteknologi tenaga boleh diperbaharui yang lebih mesra alam. Komitmen kami yang tidak berbelah bahagi terhadap pembangunan mampan dan bersepadu serta tanggungjawab terhadap alam sekitar merupakan kekuatan utama kami dalam usaha ini."

Pemilihan Solarvest Holdings Bhd ("solarvest") sebagai Kontraktor Kejuruteraan, Perolehan dan Pembinaan ("EPC") kami, selaras dengan hasrat konsortium yang bercita-cita tinggi untuk melaksanakan program ini di dalam skala yang besar dan direka untuk mentakrifkan semula piawaian industri di samping menawarkan pelan hala tuju yang lebih hijau dan mampan.

"Kerjasama ini mewakili komitmen Kumpulan untuk memacu perjalanan organisasi bagi mencapai matlamat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan meningkatkan usaha kemampanan sekali gus membantu menempatkan kami sejajar dengan rangka kerja Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Kerajaan Malaysia. Inilah usaha kami bagi membina asas untuk Malaysia yang lebih hijau dan mampan bagi generasi akan datang," tambah Tan Sri Ir. Lim Hock San.

-Tamat-

Mengenai LBS Bina Group Berhad

LBS Bina Group Berhad (LBS), pemaju perbandaran terkemuka di peringkat antarabangsa dengan visi untuk membina ruang inspirasi sempurna merupakan penyandang pelbagai anugerah menerusi projek pembangunannya. Dengan mengutamakan pembeli rumah, LBS telah membina dan membentuk landskap negara selama 30 tahun dan terus memenuhi permintaan pasaran bagi rumah berkualiti dan mampu milik.

Kini, dengan bank tanah di seluruh Malaysia, LBS terus meraih kejayaan dan kekal kukuh dengan kejayaan perbandaran seperti Bandar Saujana Putra, KITA @ Cybersouth di Dengkil, LBS Alam Perdana di Bandar Puncak Alam dan lain-lain lagi. Selain daripada pembangunan harta tanah, LBS turut terlibat di dalam pengurusan runcit, perhotelan dan pelancongan.

Kejayaan berterusan yang dilakar oleh LBS adalah hasil kepimpinan Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Ir. Lim Hock San yang turut dianugerahkan dengan pingat emas sebagai Property Man of the year by Malaysia Property Award (FIABCI) pada tahun 2018 yang merupakan Anugerah ‘Oscar’ dalam industri harta tanah. Ketabahan dan kegigihan Tan Sri Ir. Lim Hock San di dalam mengatasi cabaran industri, serta kepimpinan yang cemerlang dengan pengetahuan ilmu industri harta tanah yang unggul di samping nilai integriti dan tanggungjawab menjadi tonggak kepada penerimaan anugerah ini.

Untuk maklumat lanjut, lawati <https://lbs.com.my/>

Mengenai MGB Berhad

Ditubuhkan pada 2007, MGB Berhad (“MGB”) telah berkembang menjadi syarikat pembinaan serta pemaju harta tanah dengan perhatian utama berfokus kepada pasaran pembinaan meluas dan ruang kediaman mampu milik bagi rakyat Malaysia.

Melalui anak-anak syarikatnya, MGB menyediakan kapasiti penuh reka bentuk, pembinaan serta perkhidmatan pembangunan termasuk mereka, membina, pengurusan projek, kejuruteraan sivil, kejuruteraan nilai, kepakaran geoteknikal serta pengeluaran Sistem Konkrit Tetuang (IBS).

Dengan rekod 15 tahun di dalam bidang pembinaan residensi, komersial serta bangunan industri, dan kerja-kerja infrastruktur, MGB berdiri kukuh di samping berjaya menyiapkan lebih dari 25,000-unit harta tanah, terutamanya di segmen kediaman mampu milik. MGB juga telah menyiapkan 8,000 rumah menggunakan teknologi IBS.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati www.mgbgroup.com.my.

Untuk pertanyaan Media, sila hubungi:

- 1. Jabatan Komunikasi Korporat, Media & Digital, LBS di - media@lbs.com.my**
- 2. Encik Lee Tec Minn - leetm@mgbgroup.com.my**

Celebrating **TWO YEARS** of Excellence
as Malaysia's Best Managed Companies
2022 & 2023

